KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KKDW SEDIA PLATFORM PACU INOVASI BARU

PUTRAJAYA, 6 Disember - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menyediakan platform persekitaran dan infrastruktur yang kondusif bagi merangsang kreativiti dan menggalakkan penghasilan sistem, produk, idea dan proses yang lebih maju dalam kalangan Agensi, Bahagian dan Unit di bawah kementerian sebagai pemangkin pembangunan negara.

Ketua Setiausaha KKDW Dato' Sri Ramlan Dato' Harun berkata inisiatif ini bagi membudayakan inovasi dan kreativiti supaya lebih banyak idea-idea baharu bagi meningkatkan keupayaan serta keberkesanan sebagai agen perkhidmatan awam dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat untuk kesejahteraan masyarakat MADANI keseluruhannya.

"Sudah tiba masanya, Badan-Badan Berkanun di bawah KKDW yang mempunyai syarikat atau anak syarikat, mengaplikasikan teknologi dan inovasi baru dalam projek dan program yang dilaksanakan agar dapat mewujudkan agensi yang berpendapatan tinggi dan menjadi *profit centre* daripada menjadi *cost centre*. Saya yakin ianya dapat dilakukan dengan mengambil kira pengaplikasian teknologi dan inovasi terkini dengan penggemblengan kemahiran, kepakaran, sumber kewangan dan modal insan yang ada di setiap agensi di bawah KKDW". Katanya ketika berucap merasmikan Majlis Hari Inovasi KKDW 2023 di kementeriannya, di sini, hari ini.

Sambutan Hari Inovasi ini diadakan setiap tahun bagi mengiktiraf dan memberi inspirasi kepada warga KKDW untuk terus menggerakkan usaha inovasi dalam meningkatkan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan selaras hasrat Kerajaan Malaysia Madani.

Dalam pada itu, tujuh kategori anugerah kualiti dan inovasi dipertandingkan iaitu Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam kategori Pengurusan MADANI, Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam kategori Teknikal, Anugerah Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Terbaik, Anugerah Kualiti Tadbir Urus Bahagian kategori Pembudayaan ICT, Anugerah Kualiti Tadbir Urus Bahagian (Keselamatan Perlindungan), Anugerah Kualiti Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan Anugerah Kualiti Pengurusan Pusat Komuniti Desa (PKD).

Ketujuh-tujuh anugerah ini dipertandingkan sebagai *platform* bagi mewujudkan persaingan inter-agensi dan berkongsi *best practices* di antara agensi terbaik di samping meningkatkan keupayaan dan kemampuan KKDW dan agensi di bawahnya.

Sesi Penilaian telah dilaksanakan pada bulan Mei hingga September 2023 oleh Panel bagi setiap kategori yang terdiri daripada wakil luar dan wakil dalaman dari Kementerian, Jabatan dan Agensi.

Majlis Amanah Rakyat (MARA) mengungguli Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam kategori Pengurusan MADANI melalui Sistem Pengurusan Premis Perniagaan (MyPremis).

MyPremis memberi kemudahan kepada orang awam untuk menyemak kekosongan dan permohonan penyewaan premis serta membuat permohonan secara dalam talian.

Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (Teknikal) turut dirangkul MARA dengan sistem pembajaan yang dikenali sebagai *Irrigation Fertigation Effective Tool* (IFET).

Produk inovatif ini memastikan kualiti pokok mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian serta mengatasi masalah pertumbuhan pokok kurang sempurna, pembaziran baja dan mengelakkan pokok diserang penyakit kanker.

RISDA Hulu Terengganu memenangi Anugerah Horizon Baru KIK Terbaik melalui alat penggalak dahan pokok getah yang mampu mengatasi kematian benih selepas ditanam akibat penggendalian penenaman getah yang tidak cermat.

Anugerah Kualiti Tadbir Urus Bahagian kategori Pembudayaan ICT dimenangi Bahagian Kesejahteraan Rakyat,KKDW

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, KKDW pula dipilih penerima Anugerah Kualiti Tadbir Urus Bahagian (Keselamatan Perlindungan) manakala Anugerah Kualiti Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) diterima Bahagian Akaun, KKDW. Anugerah Kualiti Pengurusan Pusat Komuniti Desa (PKD) pula diraih PKD Jelintoh, Perak.

-TAMAT-

Disediakan Oleh
Unit Komunikasi Korporat
KKDW
6 Disember 2023